

29 SEP 2001

GERAKAN-EKONOMI

GERAKAN SEDANG RANGKA PELAN PERALIHAN EKONOMI PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Parti Gerakan Rakyat Malaysia sedang menyediakan Pelan Induk untuk peralihan aktiviti ekonomi negeri itu daripada perindustrian kepada perindustrian pintar dan ekonomi yang berteraskan pengetahuan, kata presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Di dalam rancangan peralihan itu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam kebanyakan aktiviti ekonomi yang menitikberatkan nilai, katanya dalam ucapannya pada majlis pelancaran Persidangan Perwakilan Nasional parti itu yang ke-30, di sini.

Persidangan selama dua hari yang bermula hari ini, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Dr Lim juga berkata menjelang tahun 2004, fasa kedua Koridor Raya Multimedia akan dilaksanakan di Pulau Pinang yang dikenali umum sebagai Pulau Silikon Malaysia.

"Saya yakin bahawa dengan kelengkapan ini, Pulau Pinang mampu menyediakan tapak ujian yang sesuai untuk mendidik dan membangunkan syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan teknologi tempatan," tambah beliau.

Selain daripada penyediaan prasarana, syarikat-syarikat tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana juga perlu menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemboleh laksana perniagaan supaya mereka dapat bersaing di pasaran antarabangsa, katanya.

Usaha untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan ekonomi negara tidak dapat dielakkan kerana semakin banyak Malaysia bergantung kepada mekanisma dan pembaharuan pasaran, semakin tinggi risiko disebabkan banyak negara lain yang mungkin sudah mampu menyaingi Malaysia dalam susana ekonomi sejagat yang semakin bersepadu dan liberal, kata Dr Lim.

Dr Lim berkata: "Saudara dan saudari, terdapat beberapa jurang perbezaan yang mesti kita rapatkan agar Malaysia tidak ketinggalan di belakang pesaing-pesaing kita."

Salah satu daripada jurang itu ialah di dalam bidang kemahiran yang boleh menghakis daya saingan negara kita jika ia tidak diatasi secepat mungkin, katanya.

"Oleh sebab itu, kita perlu memperkayakan kemahiran kita, terutama di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, kejuruteraan, pemasaran dan pengurusan dengan menceburi latihan dan latihan semula secara besar-besaran, terutamanya bagi golongan penganggur, sekarang juga," katanya.

Beliau berkata peningkatan keupayaan latihan dan penawaran kursus-kursus yang mengajar kemahiran bersesuaian dengan keperluan masa depan industri negara yang sedang dalam perubahan adalah penting.

Usaha merapatkan jurang perbezaan kemahiran tenaga kerja Malaysia amat penting kerana ia membantu meningkatkan daya pengeluaran terutamanya kerana Malaysia kini menghadapi masalah sumber-sumber yang terbatas, katanya.

Dr Lim berkata: "Kita perlu bergantung lebih pada pertumbuhan daya pengeluaran faktor menyeluruh, bukan input faktor yang dipertingkatkan, sebagai sumber pertumbuhan ekonomi." -- BERNAMA

MK OS